

**17/08/2012 - UCAPAN SELAMAT HARI RAYA DARIPADA YBHG. DATO' SRI DR.  
ALI BIN HAMSA KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA DARIPADA  
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Bersempena dengan kedatangan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, khususnya kepada semua anggota penjawat awam di seluruh negara.

Kepada yang akan pulang ke kampung, saya mendoakan agar selamat pulang dan kembali semula. Berhati-hatilah semasa memandu dan patuhi segala peraturan lalu lintas.

Kepada yang bertugas di Aidilfitri ini, pengorbanan saudara-saudari sangat dihargai dan disanjung tinggi.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menghantar ucapan tahniah serta Salam Aidilfitri kepada saya, baik dalam bentuk kad, surat mahupun e-mel. Sesungguhnya saya amat menghargai ingatan serta kesudian saudara-saudari mengirimkan ucapan-ucapan tersebut, yang mana tidak mungkin saya dapat membalasnya secara satu persatu.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga penjawat awam yang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam meningkatkan imej serta memartabatkan Perkhidmatan Awam. Marilah kita melipat gandakan segala usaha ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat yang dicintai.

**‘SELAMAT HARI RAYA, MAAF ZAHIR DAN BATIN’**